

**MINIT MESYUARAT
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL
(KSK, BPT) BIL. 2 / 2005**

Tarikh : **10.03.2005 (Khamis)**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT.**
Masa : **09.00 pagi**

HADIR :

1. En. Shahar Effendi Bin Abdullah Azizi (Presiden) - Pengerusi
2. Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Bendahari)
3. En. Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi)
4. Pn. Rodziah Binti Husain (Ketua Biro HELWA)
5. En. Mohd Fuzi Bin Hashim (Timb. Setiausaha Kehormat)
6. Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK)
7. En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (AJK - Webmaster)
8. Pn. Hjh. Noor Ashikin bt Abd. Razak - Wakil Ketua Biro Kebajikan
9. En. Nurul Huda Bin Romli (Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

TIDAK HADIR :

1. Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hassan (Timbalan Presiden) - Berkursus di FRIM.
2. Tn. Hj. Tarmidzi Bin Abd Manap (Ketua Biro Kebajikan) - Bercuti
3. En. Abdullah Bin Sulaiman (Ketua Biro Sukan) - Mesyuarat di KL.
4. En. Abdul Wahab Bin Mohd Noor (Pen. Bendahari) - Bertugas di Perpustakaan

1.0 UCAPAN PENERUSI

Tuan Pengerusi mengucapkan salam sejahtera dan selamat datang kepada semua ahli mesyuarat yang dapat hadir pada pagi ini. Beliau selanjutnya mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Kehormat di atas kerjasama yang diberikan semasa menjalankan tugas untuk kelab kerana beliau akan berpindah ke pejabat yang baru pada bulan hadapan dan seterusnya mengucapkan tahniah kepada En. Dzazali Bin Ayub (Ketua Biro Rekreasi) kerana akan dinaikkan pangkat, juga pada bulan hadapan..

Tuan Pengerusi memngumumkan bahawa ahli kelab yang akan berpindah pejabat dan bersara adalah seperti berikut: Tn. Hj. Ismail Iman, Tn. Hj Pauzi, En. Ho Choo Seng, En. Abdul Kadir Bin Ahmad, En. Nurul Huda dan Puan Rodziah. Puan Ahidah pula akan bersara dari jabatan. Oleh itu, satu majlis perpisahan akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurusan yang akan berlangsung pada 28 dan 29 Mac 2005.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2004

Minit Mesyuarat Kelab Sukan dan Kebajikan, Bahagian Perkhidmatan Teknikal Bil. 1/2005 telah diterima dan disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT.

3.1 Ahli Bersekutu.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa agenda penerimaan sebagai ahli iaitu Ahli Bersekutu akan dibawa ke Mesyuarat Agung yang akan datang.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

3.2 Pertandingan Mencipta Logo dan Moto Kelab.

En. Mohd. Zahar memaklumkan bahawa pemilihan pemenang bagi kategori Logo dan Moto kelab telah dibuat dan menunjukkan kepada ahli mesyuarat logo dan moto yang dipilih.

Logo dan Moto yang dipilih akan dilancar secara rasmi semasa Mesyuarat Agung Tahunan nanti. Buat sementara waktu, penggunaan Logo dan Moto tersebut boleh digunakan. Hadiah kepada pemenang-pemenang akan disampaikan semasa Mesyuarat Agung Tahunan di mana peruntukan sebanyak RM 263.00 diluluskan.

Tindakan : En Zahar/Bendahari

3.3 Bilik Kelab.

Tn. Hj. Azhari memaklumkan bahawa cermin dan *air-cond* sudah dipasang. Walaubagaimanapun, lantai, rak untuk pameran dan almari menyimpan barang belum ada lagi. Papan kenyataan di luar bilik kelab perlu dibetulkan atau dialih.

Bilik kelab perlu disiapkan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan. Kerjasama HELWA dipohon untuk menghiaskan bilik tersebut.

Tindakan : Tn. Hj. Tarmidzi, Tn. Hj. Azhari & Tn. Hj. Zaidi

3.4 Cenderahati Kepada Webmaster

Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa cenderahati kepada Webmaster sudah ada dan akan disampaikan semasa Mesyuarat Agung Tahunan nanti.

Makluman : Semua

3.5 Pelekat Kenderaan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kelab telah diamanahkan untuk menguruskan dari segi penyediaan pelekat kenderaan. Kelab akan menggunakan 'template' yang diguna pada tahun lepas dimana hanya akan ada sedikit pengubahsuaian sahaja. Harga yang ditawarkan adalah RM2.00 bagi setiap satu. Jumlah yang akan dikeluarkan adalah lebih kurang 300 keping untuk kereta dan 200 keping untuk motosikal. Urusan pengedaran akan diuruskan oleh pentadbiran tetapi urusan pembelian akan dibuat oleh Kelab.

Buat masa ini, kelab telah mengeluarkan sekeping cek bernilai RM 450.00 untuk tujuan ini. Pelekat kenderaan akan diambil dari kedai dan akan diserahkan kepada Bendahari untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan : Bendahari/ Biro Ekonomi

3.6 Webmaster

En. Mohd Zahar memaklumkan bahawa satu jawatankuasa 'Web-Team' telah ditubuhkan dan dianggotai oleh Cik Rahmah (IT), Pn. Hamisah (Pentadbiran), En. Mohd. Fuzi (Kimiabumi), En. Abdul Aziz (Perpustakaan) dan En. Zahar (Kimiabumi) sendiri. Jawatankuasa ini akan mengadakan aktiviti-aktivitinya dari semasa ke semasa.

Makluman : Semua

3.7 Cenderamata semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

En. Mohd. Zahar telah mencadangkan untuk menjual 2 jenis VCD iaitu Majlis Sambutan Hari Raya dan Koleksi Foto Aktiviti Kelab yang mana keuntungannya boleh dibahagikan bersama kelab untuk disumbangkan kepada mangsa tsunami. Memandangkan sumbangan untuk mangsa tsunami telah dibuat oleh kelab, maka mesyuarat telah bersetuju agar 2 VCD tersebut diedarkan kepada ahli kelab semasa Mesyuarat Agung Tahunan nanti sebagai cenderamata kepada ahli yang hadir.

Tindakan : En Mohd Zahar

4.0 LAPORAN BIRO-BIRO.

4.1 LAPORAN SETIAUSAHA KEHORMAT .

4.1.1 Keahlian

Setiausaha Kehormat memaklumkan bahawa sehingga hari ini, seramai 127 orang pegawai dan kakitangan telah mendaftarkan secara rasmi sebagai ahli kelab.

Makluman : Semua

4.1.2 Potongan Biro Angkasa.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa potongan yuran kelab melalui Biro Angkasa telah pun dibuat mulai bulan Januari 2005 terhadap 11 orang ahli kelab. Borang Potongan Biro Angkasa telah pun habis digunakan pada masa ini dan akan membuat permohonan pembelian borang-borang baru daripada Biro Angkasa nanti.

Tindakan :Setiausaha Kehormat.

4.1.3 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2004.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tindakan telahpun diambil dengan menghantar surat ke Ibu Pejabat JMG, Kuala Lumpur. Pendaftaran semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Bahagian Perkhidmatan Teknikal sebagai ahli kelab telah dilakukan dengan memberi mereka nombor ahli kelab.

Makluman : Semua

4.1.4 Yuran Gabungan MAKSAM.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa kelab telah membayar yuran gabungan MAKSAM Perak tahun 2005 sebanyak RM 50.00. Resit yang diterima telah diserahkan kepada Bendahari Kehormat.

Makluman : Semua

4.1.5 Laporan kepada Pendaftar Pertubuhan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa laporan kepada Pendaftar Pertubuhan masih dalam tindakan. Kerjasama semua AJK diperlukan untuk memberikan maklumat mengenai butir-butir diri seperti yang diminta.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

4.1.6 Pengganti Setiausaha Kehormat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Setiausaha Kehormat akan berpindah ke JMG Perak. Oleh itu surat perletakan jawatan akan dibuat dan perlantikan Setiausaha Kehormat yang baru akan dibuat. En. Mohd Fuzi dicadangkan menjalankan tugas Setiausaha Kehormat sehingga Setiausaha Kehormat yang baru dilantik.

Tindakan : Setiausaha Kehormat / En. Mohd. Fuzi

4.2 LAPORAN BENDAHARI KEHORMAT

Bendahari Kehormat memaklumkan bahawa kelab mempunyai baki sebanyak **RM (iaitu RM dalam RHB Bank dan RM tunai ditangan)**. Beliau mohon mencadangkan sebanyak RM 4,000.00 untuk dikekalkan dalam simpanan bank memandangkan hibah yang akan diperolehi sebanyak 1% (lebih kurang RM 40.00) sebulan manakala agihan kepada Biro Ekonomi sebanyak RM 2,000.00 untuk jamuan makan minum dan perkhidmatan potong rumput. Agihan RM 500.00 diperuntukan kepada Biro Kebajikan dan RM 300.00 kepada HELWA manakala Biro-Biro adalah mengikut permintaan/keperluan.

Tindakan : Bendahari Kehormat

4.3 BIRO SUKAN

En Mohd Zahar Bin Ibrahim mewakili Pengerusi Biro Sukan memaklumkan bahawa perkara berikut adalah agenda Biro Sukan sepanjang tahun 2005:

- 4.3.1 Karnival Sukan BPT 2005 di mana pelancarannya akan diadakan pada 30.04.2005
- 4.3.2 Sukan Terbuka Kompleks JMG Ipoh, pertama kali diadakan untuk acara karom, ping pong, catur, dam aji dan congkak yang akan dikenakan bayaran dan terbuka kepada kakitangan Kompleks Jmg Ipoh saja.
- 4.3.3 Senamrobik akan diadakan setiap bulan (bergantung kepada kelulusan pengarah) di mana akan dimulakan pada 30.04.2005 sempena pelancaran karnival sukan BPT. Instruktur akan diperolehi dari DBI atau Jabatan Belia dan Sukan.

- 4.3.4 Penubuhan Pasukan bolasepak JMG yang mana terlibat gabungan di antara BPT, PPM dan JMG Perak akan menyertai Liga Divisyen III pada tahun 2006. BPT akan memainkan peranan sebagai ketua.
- 4.3.5 Sukan MNRE dijangka akan diadakan di UiTM Arau, Perlis pada April 2005 dan dianjurkan oleh FRIM.
- 4.3.6 Sukan persahabatan di antara MNRE (Malaysia) dan MEWR (Singapura) dijangka akan diadakan di Kuching, Sarawak pada September 2005.
- 4.3.7 Sukan antara Muzium pula dijangka akan diadakan di Johor Bahru, Johor pada Mei 2005.
- 4.3.8 Biro Sukan memohon untuk mendapatkan saguhati kepada ahli yang mewakili MAKSAK iaitu Johan MAKSAK Perak akan mewakili MAKSAK Perak ke pertandingan peringkat kebangsaan sebanyak RM 50.00. Mesyuarat mengambil keputusan untuk memberikan saguhati ini kepada ahli yang menjuarai peringkat negeri dan akan disampaikan semasa Mesyuarat Agung Tahunan.
- 4.3.9 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemilihan gelanggang badminton masih lagi dibuat dimana pada masa sekarang sebanyak tiga gelanggang masih lagi dalam perhatian.
- 4.3.10 Biro sukan mencadangkan supaya diadakan sukan atau sukaneka semasa Hari Keluarga nanti.

Tindakan : Biro Sukan

4.4 BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Wakil Biro Kebajikan dan Sosial memaklumkan bahawa aktiviti-aktiviti berikut telah dijalankan sepanjang bualan Januari dan Februari 2005, iaitu:

- 4.4.1 Sambutan Tahun Baru Cina telah diadakan pada 18 Februari 2005 dimana kelab telah menyumbangkan RM 200.00.
- 4.4.2 Kutipan derma untuk mangsa Tsunami telah dibuat dan kelab juga menyumbangkan derma dimana jumlah kesemuanya sebanyak RM 700.00 dan telah diserahkan kepada wakil Berita Harian.
- 4.4.3 Lawatan Sambil Belajar masih dalam tindakan dan perancangan lagi.
- 4.4.4 Sumbangan kelab kepada ahli-ahli adalah seperti berikut:

| | | |
|------|--|--------------------|
| i) | Perkahwinan * | : RM 50.00 |
| ii) | Kelahiran Cahaya Mata* | : RM 30.00 |
| iii) | Kematian - Ahli | : RM 50.00 |
| | - Ahli keluarga (Suami/Isteri/Anak) | : RM 30.00 |
| iv) | Dimasukkan Ke Wad (dua hari/lebih) | : RM 20.00 (Bunga) |
| v) | Bersara / Bertukar (Berpindah pejabat) | : RM 50.00 |

* Sumbangan hanya tertakluk kepada kes-kes kali pertama setelah pegawai/kakitangan mendaftar sebagai ahli Kelab di BPT.

** Mesyuarat bersetuju bahawa semua permohonan diatas sah mulai daripada 1hb. September 2004 dengan permohonan ahli kelab kepada Bendahari.

Biro Kebajikan telah diminta untuk menyediakan 'Borang Makluman' dengan segera bagi membolehkan ahli kelab menuntut sumbangan yang disediakan. Borang yang telah dilengkapkan perlu disertakan dengan bukti, contohnya salinan sijil kelahiran anak dll.

Makluman tentang sumbangan kelab kepada ahli-ahli perlu dipamerkan di papan kenyataan kelab. Ini adalah salah satu cara promosi supaya ahli-ahli kelab tahu banyak faedahnya apabila mereka mendaftar sebagai ahli.

Tindakan: Biro Kebajikan

4.5 BIRO HELWA

Biro Helwa memaklumkan bahawa sumbangan pakaian terpakai telah siap dibungkus. Biro Helwa akan berbincang dengan Biro Kebajikan untuk membuat penyerahan sumbangan tersebut kepada kumpulan sasaran.

Tindakan : Biro Helwa / Biro Kebajikan

Biro Helwa memaklumkan bahawa aktiviti yang dirancangan adalah untuk menjual kerongsang kepada ahli-ahli. Peruntukan awal akan diperolehi daripada bendahari untuk tujuan ini.

Tindakan : Biro Helwa

4.6 BIRO REKREASI

Biro Rekreasi memaklumkan bahawa ahli-ahli kelab kurang berminat untuk mengadakan Majlis Hari Keluarga di luar pejabat. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya majlis ini dibuat pada hari Sabtu berkerja dan pejabat boleh mengumumkan untuk membuat hari terbuka dan gotong royong pada hari tersebut.

Majlis Hari Keluarga dicadangkan akan diadakan pada 23 April 2004 (Sabtu Keempat). Walaubagaimanapun, Tuan Pengerusi menggesa supaya soal selidik diadakan kepada ahli-ahli kelab tentang majlis hari keluarga yang akan diadakan ini. Ini bertujuan untuk melihat sambutan dan komitmen ahli-ahli terhadap acara yang dianjurkan oleh kelab.

Tindakan : Biro Rekreasi

4.7 BIRO EKONOMI

Laporan Biro Ekonomi ditangguhkan sehingga mesyuarat akan datang disebabkan Tn. Hj. Zaidi, Timbalan Presiden dan Ketua Biro Ekonomi menghadiri kursus di FRIM pada hari ini.

Tindakan : Biro Ekonomi

Tuan Pengerusi mencadangkan agar kelab mengadakan jualan Baju Batik memandangkan ianya merupakan satu keperluan pada masa ini dan mungkin mendapat sambutan jika diadakan.

Tindakan : Biro Ekonomi

5.0 HAL – HAL LAIN.

5.1 Khemah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa khemah-khemah untuk sebarang majlis yang diadakan di BPT pada masa ini disewa dari luar. Memandangkan terdapat lebih kurang 5 kali sewaan di buat dalam setahun, ahli mesyuarat mencadangkan supaya pembelian khemah dibuat dan penggunaannya akan disewakan kepada jabatan, ahli dan orang ramai dengan mengenakan kadar tertentu. Satu kertas kerja akan disediakan berhubung dengan pembelian khemah ini, akan dilakukan oleh Tn. Hj. Azahari bin Ahmad.

Tindakan : Tn. Hj. Azahari bin Ahmad

5.2 Keahlian Kelab.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa banyak pertandingan sukan akan diadakan dalam tahun 2005. Oleh itu satu senarai keahlian kelab perlu dimaklumkan kepada pegawai dan kakitangan BPT untuk menentukan samada mereka telah mendaftar sebagai ahli atau belum. Yuran penyertaan akan dikenakan kepada yang belum mendaftar sebagai ahli sekiranya mereka ingin menyertai acara-acarayang dipertandingkan.

Tindakan : Setiausaha Kehormat.

5.3 Sijil Penghargaan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Sijil Penghargaan perlu diberikan kepada ahli yang telah menyertai dan memenangi acara-acara yang dipertandingkan. Oleh itu, mesyuarat bersetuju bahawa hanya satu sijil diberikan dengan memasukkan semua acara yang disertai dan dimenangi bagi setiap ahli dan ianya akan disampaikan semasa mesyuarat agung tahunan nanti.

Makluman : Semua.

5.4 Cop Mohor pada Sijil Penghargaan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cop mohor pada sijil penghargaan yang diberikan akan menunjukkan satu bentuk sijil yang baik dan bernilai. Oleh itu, cadangan untuk menggunakan cop mohor pada sijil penghargaan pada dasarnya telah dipersetujui dan AJK perlu mencari cop mohor tersebut.

Tindakan : En. Mohd. Zahar.

5.5 Kalender untuk Aktiviti yang dirancangan.

Mesyuarat mencadangkan supaya satu perancangan dibuat dengan menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang dirancangan dalam kalender perancangan supaya jadual tersebut dapat digunakan dengan sebaiknya.

Tindakan : Semua.

5.6 Piala Keseluruhan untuk sukan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Piala Keseluruhan untuk sukan adalah sumbangan Pengarah BPT. Memandangkan Pengarah BPT sekarang adalah Dr. Chow Weng Sum, maka beliau akan dipohon untuk menyumbangkan sebuah Piala Keseluruhan menggantikan Pila Keseluruhan Pengarah BPT sebelum ini. Pasukan yang merangkul piala tersebut berhak untuk menyimpan piala tersebut. Oleh itu permohonan akan dibuat kepada Pengarah BPT untuk menyumbangkan sebuah Piala Pusingan.

Tindakan : Biro Sukan.

5.7 Jogathon.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa acara jogathon yang dianjurkan sebelum ini dapat memberikan pulangan yang memberangsangkan iaitu keuntungan kepada kelab. Oleh itu, ahli mesyuarat perlu memikirkan untuk mengadakan acara jogathon pada tahun ini.

Tindakan : Semua.

6.0 PENUTUP.

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Kehormat yang akan bertukar ke pejabat yang baru mulai 1 April 2004 nanti di atas kerjasama yang diberikan. Seterusnya beliau memaklumkan bahawa Timbalan Setiausaha Kehormat akan menjalankan tugas Setiausaha Kehormat sehingga peralihan rasmi dibuat.

Mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi. Beliau berharap agar segala aktiviti yang dirancang akan dapat dijalankan dengan secepat yang mungkin.

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

.....
NURUL HUDA BIN ROMLI
Setiausaha,
KSK BPT.

.....
SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI
Pengerusi,
KSK BPT